

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN

TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan **adakah** Kementerian **bersedia** untuk **menambah baik sistem Insentif Pengeluaran Getah (IPG)** kepada pekebun-pekebun kecil di negeri Sabah dengan cara membuat bayaran terus insentif (IPG) bersama harga getah semasa aktiviti pembelian getah. Memandangkan tempoh masa yang lama sehinggakan ada kes pekebun kecil tidak sempat menikmati IPG hasil jualan getah kerana jarak yang terlalu jauh untuk mengambil hasil insentif dan ada kes sehingga meninggal dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dengan kebajikan golongan pekebun kecil getah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan sedang berusaha untuk menubuhkan satu *task force* melibatkan Kementerian Kewangan, Kementerian Industri Utama, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) pada 18 November 2019 yang lalu untuk melihat dengan terperinci pendekatan yang terbaik untuk pembayaran IPG di Sabah. Namun begitu, mekanisma yang akan ditambah baik mestilah mengambil kira dasar dan mekanisme sedia ada yang telah diguna pakai oleh Semenanjung dan Sarawak sejak pelaksanaan IPG pada tahun 2015.